



IKLAN JAWATAN KOSONG

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang berkaitan untuk mengisi Jawatan Pentadbiran (Tetap) di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu**.

PENTING :

1. Pemohon mestilah mereka yang benar-benar ingin mengisi kekosongan jawatan di UiTM Cawangan Terengganu dan mestilah bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Terengganu.
2. Permohonan daripada calon yang sedang **berkhidmat di Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN**.
3. Setiap permohonan MESTILAH disertakan dengan DOKUMEN (IMBAS DOKUMEN ASAL YANG BERWARNA), seperti berikut :
 - Kad Pengenalan (depan dan belakang)
 - Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau yang setaraf dengannya
 - Sijil Kemahiran Malaysia (SKM Tahap Dua/Tiga) sekiranya ada
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / majikan terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
4. Pemohon yang tidak menerima jawapan dari pihak Universiti selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a) Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan Pentadbiran (BORANG PERJAWATAN UiTM 76/13 (III) Pindaan 8/2006)** (Jawatan Pentadbiran) yang boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Terengganu di
<https://terengganu.uitm.edu.my/index.php/ms/component/sppagebuilder/?view=page&id=197>
- b) **Borang permohonan yang lengkap bergambar dan lampiran semua dokumen (PDF) yang dimuat naik menggunakan pautan berikut sahaja akan diproses :**
<https://forms.gle/eoYPrhf5mFZE6Vhp9>
- c) Tarikh tutup permohonan adalah pada **10 OKTOBER 2024 (KHAMIS) JAM 11.59 MALAM.**
- d) Pertanyaan berkaitan iklan boleh hubungi:

| Bil. | Kategori Permohonan | No. Telefon |
|------|---------------------|-----------------|
| 1. | Jawatan Pentadbiran | 09-8400 129/130 |

Bil. Rujukan : 500-UiTMKD(PT.19/2)
 Bil. Iklan : 4/2024
 Tarikh Iklan : 26 September 2024 (Khamis)

A. JAWATAN PENTADBIRAN

| BIL | JAWATAN | GRED | SKIM PERKHIDMATAN | JADUAL GAJI | |
|-----|---------|------|--|-------------|--------------|
| | | | | MINIMUM | MAKSIMUM |
| 1. | KERANI | N19 | PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) | RM 1,352.00 | RM 4,003. 00 |

KUMPULAN PELAKSANA

1. KERANI GRED N19

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia;
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00) atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40) atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Pengantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
 - Lulus Peperiksaan Khas; dan
 - Had umur pelantikan:
 - Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.